

23/05/2002

Kemakmuran China bermanfaat buat jiran

SATU kaji selidik oleh majalah The Economist pada 1994 meramalkan ekonomi China bakal menjadi 40 peratus lebih besar daripada Amerika Syarikat dari segi pendapatan penduduk menjelang 2020. Kaji selidik seumpamanya kerap menjadi panduan ketika menganalisis dan membuat ramalan mengenai pertumbuhan ekonomi dunia pada masa depan. Malah, jika Taiwan bersatu dengan China, ekonomi Beijing mungkin meningkat sehingga 60 peratus lebih besar daripada Amerika. Kemasukan China dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) sekadar akan menyemarakkan lagi pembangunan dinamik negara itu.

Saiz ekonomi dan penguasaan China dijangka mengukuhkan kedudukan politiknya di rantau ini. Walaupun China juga akan meningkatkan kekuatan ketenteraannya, ia tidak dijangka dapat menandingi Amerika berdasarkan perbelanjaan tahunan Washington untuk ketenteraan yang tujuh kali lebih tinggi. Dalam pada itu, ramai melihat China mempunyai kekuatan sendiri. Apa yang ketara ialah negara itu tidak seperti Amerika yang kerap dilihat sebagai pembuli, pencetus kemarahan, bersikap angkuh, sombong dan ego. Amerika kerap dikritik kerana dasar luarnya yang kurang menyenangkan dunia. China pula bukan saja lebih bertolak-ansur, sebaliknya lebih berhati-hati dalam tindakannya dan sebaik boleh tidak mahu mengganggu-gugat pihak lain.

Bagaimanapun, ada juga kecenderungan untuk melihat kebangkitan China sebagai ancaman, terutama kepada negara kecil. Istilah 'Ancaman China' lazimnya digunakan oleh pihak tertentu, terutama Barat, bagi menunjukkan bahaya kebangkitan China pada masa depan. Andaian dibuat ialah China, apabila menjadi kuasa dunia, bakal memberi ancaman kepada pihak lain, khususnya negara jirannya. Dalam hubungan ini, Malaysia pula sentiasa konsisten dalam pandangannya. Sambil menolak tanggapan sedemikian sebagai berniat jahat, Kuala Lumpur percaya China tidak akan melakukan tindakan yang boleh menyebabkan ketegangan atau tindakan ketenteraan atau cuba mengambil kesempatan menekan mana-mana pihak.

Ingatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin mengenai bahaya menghalang China menjadi kuasa ekonomi baru kerana ia hanya mendorong negara berkenaan meningkatkan keupayaan ketenteraannya hingga menggugat keamanan dunia, menuntut perhatian mendalam. Sebagaimana kata Perdana Menteri, adalah lebih baik China diterima sebagai sebuah kuasa ekonomi utama. Tentunya jika China dilayan sebagai musuh, negara itu akan menganggap dunia sebagai musuh juga dan akan bertindak balas dengan mempertahankan dirinya. Sekalipun China akan bertambah kuat, ia tidak akan menguasai dunia sepenuhnya kerana Amerika Syarikat, Eropah, Jepun dan Korea Selatan akan menjadi pengimbang. Lantaran itu, penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) penting, bukan saja untuk mengatasi sebarang percanggahan, malah menjamin keamanan di Asia Timur yang turut memberi kebaikan kepada dunia .

Wujud juga kebimbangan bahawa kemakmuran China akan melonjakkannya untuk membolot semua pelaburan langsung asing (FDI) di rantau ini. Beberapa negara merungut kehilangan banyak FDI kerana pelabur merebut peluang kos buruh lebih murah dan potensi pasaran besar sehingga ada yang menutup operasi dan berpindah ke China. Tanggapan seperti inilah yang perlu diubah kerana negara serantau sewajarnya meningkatkan daya saing untuk memanfaatkan limpahan daripada ekonomi China menerusi pelbagai cara. Seperkara yang pasti, kemakmuran China menyaksikan ia perlu melabur ke luar negara, termasuk dalam industri berteknologi tinggi. Dalam pada itu,

China yang mempunyai lebih 1.3 bilion penduduk tidak mampu menyediakan segala-galanya atau mempunyai daya saing yang tinggi dalam semua bidang dan sudah tentu ia perlu mengimport barangan luar. Keperluan inilah yang harus dieksploitasi agar Asean akan terus menjadi destinasi utama kemasukan FDI seiring dengan China.

(END)